

Kad Titik

Melihat kuantiti tanpa membilang satu per satu

32 kad · empat susunan · nombor 3 hingga 10

BAHAN PERCUMA

MATHS MAK MAK

Faham dahulu. Laju datang kemudian.

mathsmakmak.netlify.app

@fauziahsirat

SEBELUM MULA

Panduan untuk ibu ayah

Kad ini bukan ujian laju.

Tujuannya bukan supaya anak menjawab dengan cepat, tetapi supaya anak mula *melihat* kumpulan. Anak yang nampak lima dan dua tidak perlu membilang tujuh kali. Struktur lima itulah tapak kepada semua strategi tambah dan tolak kemudian hari.

TIGA LANGKAH

1. Tunjukkan kad lebih kurang satu saat sahaja, kemudian terbalikkan.
2. Tanya: **berapa?**
3. Tanya lagi: **macam mana kamu tahu?**

Langkah ketiga itu yang paling penting. Jawapan “berapa” hanya memberitahu kita anak betul atau salah. Jawapan “macam mana kamu tahu” memberitahu kita apa yang sedang berlaku dalam fikirannya.

APA MAKSUD JAWAPAN ANAK

Membilang satu-satu

Anak menunjuk setiap titik. Ini normal pada peringkat awal. Kekalkan kad kumpulan lima dan bingkai sepuluh dahulu, dan lambatkan sedikit masa tunjukan.

Melihat kumpulan

Anak berkata “lima dan dua”. Inilah yang kita tuju. Teruskan, dan mula pendekkan masa tunjukan.

Menghubungkan

Anak berkata “lapan, sebab dua lagi cukup sepuluh”. Anak sudah menggunakan sepuluh sebagai rujukan. Boleh mula ke kad taburan dan nombor yang lebih besar.

PERINGATAN MESRA

- Jangan betulkan jawapan sebelum anak sempat menerangkan caranya.
- Jangan guna jam randik atau kira markah.
- Jangan teruskan lebih lima minit satu sesi. Pendek dan kerap lebih baik.

Empat susunan, satu nombor

Setiap nombor dari 3 hingga 10 hadir dalam empat susunan berbeza. Susunan yang sama nombornya, tetapi tidak sama mudahnya untuk dilihat. Di situlah letaknya pengajaran.

Kumpulan lima	Lima di baris atas, bakinya di bawah. Tanda sudut: bulat.	Ms 5 & 6
Dadu	Corak dadu. Nombor 8 dan 10 sebagai dua lajur sama. Tanda sudut: segi tiga.	Ms 7 & 8
Bingkai sepuluh	Susunan sama, tetapi berbingkai. Tanda sudut: segi empat.	Ms 9 & 10
Taburan	Tiada struktur. Set pembanding. Tanda sudut: wajik.	Ms 11 & 12

AKTIVITI BANDING

Ambil empat kad bernombor sama, satu daripada setiap set. Letak bersebelahan dan tanya anak: kad mana paling senang dilihat, dan kenapa?

Anak hampir selalu memilih kumpulan lima atau bingkai sepuluh. Dan di situ terjawab satu persoalan yang sering membebankan ibu ayah. Membilang satu-satu bukan kelemahan anak. Ia kesan susunan yang tidak berstruktur.

CARA CETAK

Cetak pada kertas tebal jika ada, saiz A4, tanpa pilihan “fit to page”. Setiap helaian mengandungi empat kad. Potong dua kali sahaja, sekali melintang dan sekali menegak, di tengah-tengah antara bingkai kad.

Tanda kecil kelabu di sudut setiap kad menunjukkan set kad, bukan nombornya. Ia membantu menyusun semula dek tanpa memberitahu anak jawapannya.

Apa Yang Wajar Ibu Ayah Lakukan Selepas Ini?

Bahan percuma ini merupakan salah satu alat untuk menyuburkan *number sense* anak. Penerangan secara terperinci boleh dibaca di dalam e-book **Faham Dulu**.

Jika ibu ayah mahu meneroka alat-alat *number sense* lain, yang boleh digunakan terus di rumah, daftar segera ke **kelas Maths Mak Mak**.

mathsmakmak.netlify.app

Macam mana kamu tahu?

Tanya selepas setiap kad, walaupun jawapannya betul.

Ada cara lain melihatnya?

Satu susunan boleh dilihat lebih daripada satu cara.

Berapa lagi untuk cukup sepuluh?

Untuk kad bingkai sepuluh dan kumpulan lima.

Kalau tambah satu lagi?

Menghubungkan kad dengan nombor sebelum dan selepasnya.




mathsmakmak.netlify.app



mathsmakmak.netlify.app




mathsmakmak.netlify.app




mathsmakmak.netlify.app







mathsmakmak.netlify.app



mathsmakmak.netlify.app




mathsmakmak.netlify.app




mathsmakmak.netlify.app







mathsmakmak.netlify.app



mathsmakmak.netlify.app




mathsmakmak.netlify.app




mathsmakmak.netlify.app







mathsmakmak.netlify.app



mathsmakmak.netlify.app











mathsmakmak.netlify.app




mathsmakmak.netlify.app












mathsmakmak.netlify.app



mathsmakmak.netlify.app




mathsmakmak.netlify.app




mathsmakmak.netlify.app







mathsmakmak.netlify.app



mathsmakmak.netlify.app



mathsmakmak.netlify.app



mathsmakmak.netlify.app

